

KAJIAN RUANG DALAMAN PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA,
SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN.

Disertasi ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina,
Institut Teknologi MARA, sebagai memenuhi syarat mata
pelajaran ARC 392- Disertasi.

Disediakan oleh :

Nama : RAZALI BIN HJ ABD. JALIL

K.P ITM : 87717553

Kursus : DIPLOMA SENIBINA

Tahun/Semester : 03 / 06

Sessi : JULAI - DISEMBER 1990

Kajian : KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
ITM, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Ini adalah disahkan bahawa Disertasi ini telah disediakan oleh :


Nama : RAZALI BIN HJ ABD. JALIL

K/P ITM : 87717553

Disertasi ini telah dibaca dan disemak oleh:

Penasihat / Penilai : PN. FARIDAH ADNAN

Penyelia / Penyelaras : PN. NAKIAH MOHD AMIN


.....
T. tangan Penasihat/Penilai

4/2/91
.....
Tarikh

.....
T. tangan Penyelia/Penyelaras

.....
Tarikh

KANDUNGAN

Muka Surat

1.	PENGENALAN	1
2.	KONSEP PERANCANGAN RUANG	3
2.1	PEMBAHAGIAN RUANG	4
2.2	PENGALIRAN RUANG	10
3.	REKABENTUK ATRIUM	13
4.	KELENGKAPAN PERABUT	17
4.1	PERABUT DIRUANG KANAK-KANAK DAN ORANG CACAT	18
4.2	PERABUT DI RUANG AWAM (DEWASA)	26
5.	SENITAMAN DALAMAN	35
6.	BAHAN KEMASAN SERTA PEMILIHAN WARNA	47
6.1	LANTAI	47
6.2	DINDING DAN BUKAAN	50
6.3	SILING	51
7.	SISTEM PERKHIDMATAN	55
8.	SEJAUH MANA KEBERKESANAN DAN KELEMAHAN TERHADAP PENGGUNA	61
8.1	ASPEK KONSEP PERANCANGAN RUANG DAN REKABENTUK ATRIUM	61
8.2	ASPEK PEMILIHAN PERABUT	68
8.3	ASPEK SENITAMAN DALAMAN	76

1. PENGENALAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan berkuatkuasa dengan pengumuman Warta Kerajaan No. 5 pada 27hb. Mac 1969.

Semenjak daripada itu ia berkembang dengan pesat dengan menubuhkan sebuah Perpustakaan Pusat, 8 buah Perpustakaan Cawangan, 9 buah Perpustakaan Desa, 2 buah Perpustakaan Desa Dua Guna dan 13 unit Perpustakaan Bergerak bagi memberi perkhidmatan di semua daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Pada mulanya perpustakaan pusat bertempat di Jalan Raja, Kuala Lumpur, tetapi pada penghujung tahun 1986 perpustakaan ini telah berpindah ke bangunan baru yang serba lengkap dan moden di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Maka bermulalah satu era baru kepada perpustakaan ini dalam memperluaskan perkhidmatan kepada orang ramai yang dikenali sebagai Perpustakaan Raja Tun Uda. Nama ini adalah sempena nama Raja Tun Uda iaitu salah seorang keluarga Sultan Selangor. Ini merupakan satu inspirasi kepada orang ramai di mana Raja Tun Uda merupakan seorang intelektual yang mementingkan pendidikan serta maju dalam pembelajaran.

Secara amnya Perpustakaan Raja Tun Uda ini adalah sebahagian dari gagasan Pusat Sivik Shah Alam yang

terdiri dari beberapa bangunan antaranya Muzium Negeri, Bangunan Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA), Bangunan Theater dan Dewan Serbaguna di mana ianya merangkumi kawasan seluas 32 ekar. Boleh dikatakan Perpustakaan Raja Tun Uda ini terletak di penghujung Tasik Shah Alam yang begitu sesuai dan strategik perletakannya, tanpa gangguan dari kawasan persekitaran yang sibuk.

Selaras dengan cogankatanya " Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Pengetahuan ", nyatalah perpustakaan ini mempunyai matlamat dan objektif jangka panjang yang seganding dan selari dengan arus kemajuan. Oleh yang demikian sudah tentu penyediaan ruang dalamannya begitu teliti sekali dalam memenuhi kehendak serta memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna.